

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

TARIKH : 7 Mac 2017

SOALAN

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] MEMINTA MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah Kementerian menyemak semula program Desa Bina Diri dalam membantu golongan papa dan gelandangan mencari kerja yang sekurang-kurangnya kerja sambilan yang akan menyediakan mobiliti sosial.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai 5 buah institusi Desa Bina Diri (DBD) yang memberi jagaan, perlindungan dan pemulihan kepada orang papa agar mereka menjadi produktif dan berkemahiran serta mempunyai sikap yang positif untuk diintegrasikan dalam masyarakat. Institusi tersebut adalah seperti berikut : i) DBD Mersing, Johor; ii) DBD Jerantut, Pahang; iii) DBD Kota Kinabalu, Sabah; iv) Pusat Sehenti Bina Diri Sungai Buloh, Selangor; dan v) DBD Kuching, Sarawak. Tuan Yang Dipertua, Bagi menyediakan penghuni DBD agar dapat diintegrasikan dalam masyarakat, mereka akan menjalani pemulihan, latihan kerjaya dan kemahiran (vokasional, pertanian, kraf tangan) bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun. DBD juga mengadakan program "Job Opportunity" kepada penghuni-penghuni yang boleh dilatih bagi menyesuaikan penghuni dengan alam pekerjaan. Program ini adalah merupakan inisiatif DBD dengan syarikat-syarikat swasta dan persendirian di kawasan berdekatan institusi untuk menempatkan penghuni di alam pekerjaan sebagai persediaan penghuni untuk diintegrasikan dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, hanya segelintir penghuni yang boleh dilatih untuk menyesuaikan diri di alam pekerjaan kerana majoriti penghuni mempunyai masalah dari segi mental. Peratusan kejayaan pemulihan di Institusi DBD adalah berdasarkan kepada penghuni yang mampu untuk mengurus diri selain tiada penyakit yang serius dan mereka yang mahu untuk berdikari. Mengikut rekod, sebanyak 8% hingga 10% penghuni berjaya dipulihkan, melalui program-program di Institusi seperti pertanian, penternakan dan bengkel serta memberikan mereka peluang-peluang pekerjaan di luar Institusi. Penghuni yang tidak produktif dan berpenyakit yang ramai di Institusi ini menyukarkan program-program pemulihan dilaksanakan. Keadaan ini menyebabkan institusi lebih ke arah penjagaan dan perawatan penghuni dan seterusnya bilangan penghuni akan semakin meningkat. Di bawah seksyen 8 Akta Orang Papa 1977, Pengusaha hanya boleh melepaskan seseorang papa jika: i) Penghuni telah mendapat pekerjaan yang sesuai; atau ii) Diserahkan kepada keluarga / penjaga. Kesimpulannya, KPWKM sentiasa komited untuk meneruskan usaha membela kesejahteraan sosial kumpulan sasar agar mereka dapat menjalani kehidupan yang berdikari, berintegriti dan bermaruah sebagai sebahagian daripada anggota penting dalam keluarga, komuniti dan masyarakat secara inklusif.

